

21/1
Sejarah
Ogos
2009
1 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
NEGERI PERAK
2009

SEJARAH

Satu jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan objektif.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1 Maklumat berikut merujuk kepada pengertian sejarah

Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Siapakah sejarawan yang berpendapat sedemikian?

- A Herodotus
- B Ibn Khaldun
- C Abdul Hadi Hassan
- D Muhd. Yusof Ibrahim

2. Gambar 1 menunjukkan peralatan yang telah dijumpai di Klang Selangor.



Gambar 1

Peralatan tersebut pernah digunakan pada zaman

- A Paleolitik
- B Mesolitik
- C Neolitik
- D Logam

3.

- Manik
- Duit Perak
- Barangan kaca

Penemuan artifak di atas membuktikan Lembah Bujang sebagai

- A Pusat kebudayaan
- B Pusat Pentadbiran
- C Pelabuhan entrepot
- D Pengaruh Hindu-Buddha

4. Gambar 2 menunjukkan pokok bakau.




Gambar 2

Apakah faedah pokok bakau kepada Melaka?

- A Mengawal laluan kapal
- B Mengawal Selat Melaka
- C Menjadi benteng pertahanan
- D Menjadi sumber kayu bakau

5. Rajah menunjukkan peranan pemimpin semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X ?

- A Sultan
 B Bendahara
 C Laksamana
 D Temenggung
6. Jadual 1 menunjukkan sistem cukai yang diamalkan di Melaka.

Pedagang	Cukai
India, Tanah Arab, Siam	6 %
Pedagang tetap di Melaka	3 %
China dan Jepun	Tidak dikenakan cukai

Jadual 1

Sistem cukai tersebut dikenali sebagai cukai


- A Bebas
 B Rasmi
 C Kepala
 D Berkeutamaan
7. Maklumat berikut menerangkan tugas golongan cerdik pandai di istana Melaka

X	<ul style="list-style-type: none"> • mengarang surat rasmi raja • menggubal perjanjian • menjadi guru kepada anak-anak raja
---	--

Siapakah X ?

- A Ulama
 B Jurutulis
 C Pengarang
 D Bendahara

8. Peta 1 menunjukkan empayar Melaka pada zaman keagungannya.



Peta 1

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka berjaya meluaskan empayarnya?

- I Kerjasama dengan kuasa luar
 - II Peralatan peperangan moden
 - III Kebijaksanaan pemerintah
 - IV Tentera yang berani
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
9. Apakah pengajaran daripada peristiwa berikut

Melaka telah jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

- A Bersekutu dengan pihak luar
 - B Berusaha memajukan negara
 - C Bersatu mempertahankan negara
 - D Berhemah dalam tindakan
10. Jadual 2 menunjukkan Pusat Kerajaan Johor pada kurun ke-16


Tahun	Pusat Kerajaan
1615-1623	Johor Lama
1623-1677	Pulau Tembelan
1677-1685	Riau

Jadual 2

Mengapakah pusat kerajaan Johor sering berubah-ubah?


- A Memastikan kemajuan rakyat
- B Menerima ancaman luar
- C Memajukan ekonomi negara
- D Mengukuhkan kuasa pemerintah

11. Apakah punca peperangan berikut?




- A Menguasai Selat Melaka
- B Memerlukan bahan mentah
- C Mendirikan kerajaan
- D Merampas Melaka daripada Portugis

12. Apakah negeri yang dapat dikaitkan dengan senarai berikut?



- A Terengganu
- B Kelantan
- C Selangor
- D Kedah


13. Senarai berikut menunjukkan peralatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu.



Apakah kegunaan peralatan tersebut?

- A isipadu
- B berat
- C jarak
- D luas

14. Maklumat berikut merujuk kepada kepercayaan satu kaum di Sarawak apabila hendak membuka petempatan.



Kaum X ialah

- A Iban
- B Penan
- C Kelabit
- D Bidayuh


15. Gambar 3 menunjukkan sejenis tarian untuk memuja semangat padi semasa perayaan Hari Magavau di Sabah.



Gambar 3

Tarian tersebut ialah tarian

- A Limbai
 - B Sumazau
 - C Magunatip
 - D Mangalang
16. Ilustrasi 1 menunjukkan Sultan Abdullah dan Francis Light menandatangani Perjanjian Inggeris-Kedah pada tahun 1786.




Ilustrasi 1

Francis Light sanggup mendapatkan Pulau Pinang secara tipu helah kerana bimbang

- A dasar monopoli Belanda
- B kehilangan hak memungut cukai
- C Kedah mendapatkan bantuan luar
- D ancaman daripada Siam

17. Bagaimanakah cara British menguasai wilayah-wilayah berikut?



- A Pewarisan
- B Perjanjian
- C Peperangan
- D Penaklukan

18. Mengapakah British menubuhkan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826?

- A Menyeragamkan pentadbiran
- B Memantapkan pertahanan
- C Memajukan perdagangan
- D Mengelak campurtangan luar

19. Gambar 4 menunjukkan sebahagian daripada dokumen Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.



Gambar 4

Apakah kesan perjanjian tersebut ke atas Perak?

- A Menerima residen British
- B Mengekalkan kedaulatan negeri
- C Mengukuhkan kedudukan Sultan
- D Memajukan ekonomi negeri

20. Mengapakah British campurtangan di negeri Selangor pada tahun 1874?

- I Kapal dagang dirompak
- II Rumah api diserang
- III Permintaan Sultan
- IV Desakan saudagar asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Jadual 3 merujuk kepada persidangan antara sultan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan pihak British.

Tahun	Persidangan	Tempat
1897	Durbar Pertama	Kuala Kangsar
1903	Durbar Kedua	Kuala Lumpur

Jadual 3

Apakah yang diperjuangkan oleh sultan dalam Durbar kedua?

- A Keamanan dipelihara
- B Kemerdekaan negeri
- C Kemajuan ekonomi
- D Kuasa dikembalikan

22.

Negara	Keterangan
Perancis	Meluaskan pengaruh ke Siam
Rusia	Membuka petempatan di Ujung Salang
Jerman	Mendapatkan Pulau Langkawi

Apakah tujuan kemaraan kuasa-kuasa besar tersebut?


- A Mendapatkan bahan mentah
- B Mendirikan pangkalan tentera
- C Menstabilkan kuasa serantau
- D Melantik pembesar tempatan

23. Apakah persamaan peranan tokoh-tokoh berikut?

- Dato' Jaafar b. Muhammad
- Dato' Abdul Rahman b. Andak
- Dato' Muhammad Salleh b. Perang
- Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

- A Memajukan pendidikan Inggeris
- B Mengekalkan kedaulatan negeri
- C Mempelopori amalan demokrasi
- D Menyokong penjajah Barat

24. Rajah menunjukkan sistem pentadbiran Brooke di Sarawak.



Rajah 1

Apakah X ?

- A Majlis Negeri
 B Majlis Bahagian
 C Majlis Tertinggi
 D Majlis Tempatan
25. Bagi menjaga keselamatan Sarawak, kerajaan Brooke telah menubuhkan satu pasukan berpakaian seragam. Pasukan ini dinamakan
- A Special Constable
 B Sarawak Ranger
 C Sarawak Squard
 D Skuad Terbang
26. Pada 24 September 1941, Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan perlembagaan Sarawak. Mengapakah perlembagaan tersebut tidak dapat dilaksanakan?
- A Tidak diiktiraf
 B Pemberontakan
 C Tiada perpaduan
 D Pendudukan Jepun
27. Peta 2 menunjukkan pembahagian kawasan pentadbiran Sabah ketika ditadbir oleh SBUB pada tahun 1935.



Peta 2

Siapakah yang mengetuai empat kawasan tersebut?

- A Gabenor
 B Residen
 C Pegawai Daerah
 D Ketua Anak Negeri

28. Apakah Mahkamah yang mengendalikan kes-kes berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Mengendalikan kes-kes peribumi▪ Mengendalikan kes undang-undang Islam dan hukum adat |
|---|

- A Mahkamah Majistret
- B Mahkamah Tinggi
- C Mahkamah Anak Negeri
- D Mahkamah Anak Pribumi

29. Dialog berikut mungkin berlaku semasa Sabah ditadbir oleh SBUB

Penduduk kampung X : Kami bersusah payah mengeluarkan hasil, tetapi kami tidak dapat menikmati keuntungannya.
Penduduk kampung Y : Ya ! kita juga dikenakan macam-macam cukai, ada cukai tanah, cukai kepala, lesen perahu dan senjata.

Apakah pengajaran daripada dialog tersebut?

- A Bekerjasama untuk kesejahteraan hidup
- B Bertoleransi untuk keharmonian kaum
- C Berwaspada dengan kuasa asing
- D Bersatu mencapai kemajuan

30.

Pelabur di Tanah Melayu pada awal abad ke 20
--

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Guthrie• Sime Darby• Harrisons and Crosfield |
|--|

Senarai tersebut adalah berkaitan dengan perkembangan tanaman

- A kopi
- B getah
- C tembakau
- D kelapa sawit


31. Senarai berikut merupakan sistem yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Sistem Kontrak• Sistem Kangani |
|---|

Kesan daripada sistem tersebut mewujudkan

- A masyarakat feudal
- B golongan intelektual
- C masyarakat majmuk
- D golongan radikal


32. Garis masa di bawah menunjukkan sebahagian daripada peristiwa perang pembebasan Kedah.



Mengapakah perjuangan tersebut gagal?

- A British memberi bantuan kepada Siam
- B Taktik peperangan kurang terancang
- C Kelengkapan perang tidak mencukupi
- D Kedah tidak mendapat bantuan luar

33. Ilustrasi 2 menunjukkan pertempuran pejuang Pahang dengan Inggeris.



Ilustrasi 2

Mengapakah Dato' Bahaman menentang Inggeris?

- I Perlucutan gelaran
- II Pembinaan balai polis
- III Menetapkan peraturan tanah
- IV Melarang membuka kawasan baru

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Madrasah di Tanah Melayu pada awal 1920

- Al-Masyhur di Pulau Pinang
- Al-Diniah di Padang Rengas
- Il-Ihya Assyarif di Gunung Semanggol

Madrasah tersebut berperanan menyebarkan

- A ideologi kapitalis
- B ideologi timur
- C idea tradisional
- D idea pembaharuan

35. Apakah kepentingan novel-novel berikut?

Novel sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu
<ul style="list-style-type: none"> • Anak Mat Lela Gila – Ishak Haji Muhammad • Hikayat Faridah Hanum – Syed Sheikh al-Hadi • Mari Kita Berjuang – Abdullah Sidek

- A Melahirkan pemimpin tempatan
 B Menubuhkan parti-parti politik
 C Menimbulkan kesedaran kebangsaan
 D Memperkembangkan bidang persuratan


36. Peta 3 menunjukkan Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya yang merupakan rancangan ekonomi Jepun.



Peta 3

Apakah iktibar yang dapat diambil daripada rancangan tersebut?

- A Bersatu padu dalam semua tindakan
 B Berhati-hati terhadap propaganda dari luar
 C Bekerjasama untuk menghapuskan penjajah
 D Bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara
37. Rajah menunjukkan dasar ekonomi Jepun di Tanah Melayu.



Rajah 2

Apakah X?


- A Dasar ekonomi baru
 B Dasar ekonomi bebas
 C Dasar ekonomi terbuka
 D Dasar ekonomi kawalan

38.

Ah Seng	: Kami sering ditindas oleh tentera Jepun
Raju	: Kami pula dilayan dengan baik dalam setiap hal

Mengapakah Jepun bertindak demikian terhadap masyarakat Cina?

- A Penubuhan MPAJA
 - B Membantah arahan Jepun
 - C Persaingan dalam bidang perindustrian
 - D Memberi bantuan dalam Perang China-Jepun
39. Rajah 3 menunjukkan penyatuan ketiga-tiga unit politik di Tanah Melayu dalam pentadbiran Malayan Union.



Rajah 3

Mengapakah British bertindak demikian?

- A Menjimatkan perbelanjaan pentadbiran
 - B Memelihara hak bumiputera
 - C Memperkukuh sistem pemerintahan beraja
 - D Melatih penduduk mentadbir negara
40. Maklumat berikut menunjukkan kedudukan raja-raja Melayu semasa Malayan Union.

Menurut perlembagaan Malayan Union, Raja-raja Melayu menjadi ahli Majlis Melayu

Apakah perkara yang dibincangkan dalam majlis tersebut?

- I Agama Islam
 - II Adat istiadat orang Melayu
 - III Hak istimewa orang-orang Melayu
 - IV Hal ehwal pentadbiran negeri Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

41. Dialog berikut mungkin diucapkan dalam satu rapat umum sekitar Mei 1946.

Cikgu Zahara	: Kita mesti bangun menentang pertubuhan tersebut.
Halimahton Majid	: Ya ! mari kita berjuang hingga titisan darah yang terakhir

Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan tindakan mereka?

- A Menghargai budaya bangsa
 - B Memperjuangkan kepentingan wanita
 - C Kepekaan terhadap masalah bangsa
 - D Bertanggungjawab memelihara keamanan
42. Gambar 5 menunjukkan majlis menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 di King's House, Kuala Lumpur.



Gambar 5

Apakah kesan perjanjian tersebut?


- A Perpaduan kaum dapat dibentuk
 - B Tanah Melayu mendapat kemerdekaan
 - C Syarat kerakyatan dilonggarkan
 - D Konsep raja berperlembagaan diperkenalkan
43. Dialog berikut merujuk kepada sikap orang Melayu terhadap fahaman komunis

Ali	: Kita tidak tertarik dengan fahaman komunis
Abu	: Betul, orang Melayu memang membenci komunis

Mengapakah mereka bersikap sedemikian?

- I Bersikap ganas dan zalim
 - II Tidak mengakui kewujudan tuhan
 - III Mengenakan cukai yang tinggi
 - IV Orang Melayu menolak ideologi Barat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

44. Tindakan-tindakan berikut dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha membanteras ancaman komunis.



Apakah X?

- A Undang-undang tentera
- B Undang-undang Darurat
- C Rancangan Briggs
- D Rancangan Templer

45. "Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis"

Apakah nilai yang dapat disemai dalam usaha tersebut?


- A Memupuk perpaduan
- B Mendisiplinkan diri
- C Kebebasan bersuara
- D Kreativiti rakyat

46. " Penggunaan kekerasan dan senjata semata-mata tidak akan berjaya menghapuskan komunis."
Sir Gerald Templer- Pesuruhjaya Tinggi British

Mengapakah tokoh tersebut berpendapat demikian?

- A Komunis mahir taktik gerila
- B British kekurangan tentera terlatih
- C British memerlukan sokongan rakyat
- D Komunis mempunyai kelengkapan perang

47. Rajah 4 menunjukkan kompromi UMNO – CLC dalam usaha melahirkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.




Rajah 4

Apakah X?

- A Keanggotaan CLC diperluaskan
- B Keahlian UMNO dibuka kepada semua kaum
- C Kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan
- D Keseragaman sistem pentadbiran negeri Melayu

48. Rajah 5 menunjukkan Laporan Pelajaran di Tanah Melayu



Rajah 5

Apakah tujuan pengenalan Laporan Pelajaran tersebut?

- A Memenuhi tuntutan rakyat
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Merapatkan jurang pendidikan
- D Menuntut kemerdekaan

49.

Orang Melayu bersetuju dengan kelonggaran kerakyatan Persekutuan dan Kerakyatan Negeri 1951

British menghargai pengorbanan orang Melayu tersebut dengan menubuhkan

- A Universiti tempatan
- B Parti Perikatan
- C Agensi RIDA
- D Sistem Ahli

50. Senarai berikut merupakan anggota Rombongan Merdeka pada tahun 1956.

Tunku Abdul Rahman
Tun Dr Ismail
Tun H.S. Lee
Tun Abdul Razak Hussein

Mereka mewakili

- A Raja-raja Melayu
- B Parti Perikatan
- C Suruhanjaya Reid
- D Suruhanjaya Cobbold

51. Gambar 6 menunjukkan kepulangan Rombongan London di Padang Bandar Hilir, Melaka.



Gambar 6

Apakah peristiwa bersejarah yang berlaku di padang tersebut?

- A Pemasyhuran Kemerdekaan
- B Bendera Union Jack diturunkan
- C Penubuhan Suruhanjaya Reid
- D Tarikh kemerdekaan diisytiharkan

52.

- Kedudukan istimewa orang Melayu tanpa menjejaskan hak kaum lain
- Agama Islam sebagai agama rasmi, walaubagaimanapun kebebasan beragama dibenarkan

Pindaan Suruhanjaya Reid yang dipersetujui menggambarkan semangat

- A bekerjasama
- B toleransi
- C jati diri
- D kebangsaan

53.

- Penguasaan British ke atas Negeri-Negeri Selat terbatal
- Perlembagaan Persekutuan berkuatkuasa 31 Ogos 1957
- Persekutuan Tanah Melayu mengamalkan pemerintahan demokrasi

Pernyataan tersebut merujuk kepada

- A Pindaan Suruhanjaya Reid
- B Pemasyhuran Kemerdekaan
- C Perlembagaan Merdeka
- D Perjanjian London

54.

Wahai pemuda harapan bangsa
 Segeralah bangun membuat jasa
 Kebangunanmu menyedarkan Melayu bangsa
 Kehalusan kemajuan aman sentosa

*Petikan sajak 'Panggilan-Mu yang Suci'
 (nukilan Rosli Dhobi)*

Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh penyajak?

- A Mengukuhkan perpaduan
- B Mengubah taraf ekonomi
- C Meningkatkan pengetahuan
- D Mempertahankan hak bangsa

55.

Parti X →

- diasaskan oleh Datu Tuanku Hj Bujang bin Tuanku Othman
- menuntut hak istimewa bagi bumiputera
- menuntut Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- meningkatkan taraf hidup bumiputera Sarawak

Apakah parti X?

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)
- C Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)
- D Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)

56.

Sabah secara rasminya menjadi jajahan British pada Julai 1946


Apakah faktor penyerahan Sabah kepada British?

- A Menjimatkan perbelanjaan
- B Menjaga kepentingan rakyat
- C Mengawal kuasa pembesar
- D Menjamin keselamatan

57. Gagasan Persekutuan Malaysia mendapat liputan meluas dalam akhbar-akhbar tempatan. Pada peringkat awal, gagasan ini juga dikenali sebagai

- A Melayu Raya
- B Malayan Union
- C Malaya Merdeka
- D Malaysia-Malaysian

58. Rajah 6 berikut merupakan langkah pembentukan Persekutuan Malaysia 1963



Rajah 6

Apakah X?

- A Jawatankuasa Eksekutif
 - B Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 - C Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
 - D Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
59. Apakah slogan yang terkandung dalam Jata Negara Malaysia?
- A Bersekutu Bertambah Maju
 - B Bersekutu Bertambah Mutu
 - C Bersatu Teguh Bercerai Roboh
 - D Bersatu Membawa Kejayaan
60. Gambar 7 merupakan peristiwa penting dan bersejarah yang berlaku di tiga tempat.



Kuala Lumpur



Kuching, Sarawak



Kota Kinabalu, Sabah

Gambar 7

Apakah peristiwa tersebut?

- A Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
- B Pengisytiharan Persekutuan Malaysia
- C Pengisytiharan Perdana Menteri Pertama
- D Pengisytiharan perpisahkan Sabah dan Sarawak

KERTAS SOALAN TAMAT